

# Turki pameran industri pertahanan

Bername

PM melawat dua syarikat pemain utama industri pertahanan, aeroangkasa

Ankara

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yakob melawat dua syarikat pemain utama industri pertahanan dan aeroangkasa Turki untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan republik itu dalam bidang teknologi, semalam.

Perdana Menteri yang dalam lawatan rasmi empat hari ke Turki melawat MKE Corporation dan Turkish Aerospace Industries (TAI).

Sebaik tiba di MKE, Ismail Sabri disambut Menteri Pertahanan Turki Hulusi Akar dan Ketua Pegawai Eksekutif MKE Yasin Akdere sebelum diberikan taklimat mengenai operasi perintis sektor pertahanan Turki itu.

MKE, sebuah syarikat milik kerajaan selaku pembekal utama kepada Angkatan Tentera Turki memiliki 10 kilang moden, lebih 400 produk terbahagi kepada empat kategori – peluru, senjata, roket, bahan letupan dan piroteknik.

## » INFO

**MKE, sebuah syarikat milik kerajaan selaku pembekal utama kepada Angkatan Tentera Turki memiliki 10 kilang moden, lebih 400 produk.**

**Satu pertunjukan udara diadakan untuk delegasi Malaysia menggunakan pesawat tempatan yang dibangunkan Turki.**

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Luar Datuk Seri Saifuddin Abdullah, Panglima Tentera Udara Jeneral Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan, Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Semasa melawat TAI, Ismail Sabri diberi taklimat mengenai operasi syarikat itu oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Prof Temel Kotil.



ISMAIL Sabri melawat Turkish Aerospace Industries. Turut hadir, Mohd Asghar Khan (tiga dari kanan).

Turut serta, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Datuk Abdul Latiff Ahmad dan Pengerusi Bersama (Industri) Kumpulan Industri-Keraja-

an bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Di akhir lawatan, satu pertunjukan udara diadakan untuk delegasi Malaysia

menggunakan pesawat tempatan yang dibangunkan Turki, helikopter T129 ATAK, pesawat tanpa pemandu Anka, pesawat latihan Hurkus dan helikopter Gokbey.

Terletak di ibu kota, kilang pengeluaran TAI meliputi kawasan seluas lima juta meter persegi dengan 150,000 meter persegi kemudahan industri.